



MALAYSIA

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
RINGKASAN LAPORAN BANJIR TAHUNAN
BAGI TAHUN **2015/2016**



DISEDIAKAN OLEH:



UNIT RAMALAN DAN OPERASI
SEKSYEN RAMALAN BANJIR DAN KEMARAU
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

KANDUNGAN

TAJUK		MUKA SURAT
1.0	RINGKASAN EKSEKUTIF RINGKASAN LAPORAN BANJIR TAHUN 2015/2016	1
2.0	LAPORAN KEJADIAN BANJIR MENGIKUT NEGERI	
	2.1 Perlis	9
	2.2 Kedah	10
	2.3 Pulau Pinang	16
	2.4 Perak	21
	2.5 Kelantan	22
	2.6 Terengganu	25
	2.7 Pahang	27
	2.8 Selangor	29
	2.9 Melaka	30
	2.10 Negeri Sembilan	33
	2.11 Johor	35
	2.12 Sarawak	37
	2.13 Sabah	38
	2.14 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	46
	2.15 Wilayah Persekutuan Labuan	48
3.0	LAMPIRAN	
	Ringkasan Kejadian Banjir Mengikut Negeri dan Peta Banjir	51
	Purata Taburan Hujan Tahunan	

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF :

RINGKASAN LAPORAN BANJIR TAHUN 2015/2016

1.1 Pengenalan

Banjir merupakan salah satu bencana darilima (5) bencana alam yang sering melanda negara ini selain daripada tanah runtuh, kebakaran hutan, tumpahan minyak dan sebagainya. Banjir juga merupakan satu kejadian yang kerap berlaku dan bencana alam yang boleh menyebabkan kerosakan harta benda dan juga kehilangan nyawa.

Bencana Banjir yang melanda negara boleh dikategorikan kepada banjir kilat dan banjir monsun. Fenomena perubahan cuaca (*climate change*) juga menyumbang kepada ketidakpastian terhadap keamatan (*intensity*) dan *magnitud* sesuatu fenomena cuaca yang boleh mencatat keadaan luar biasa (ekstrem).

Banjir boleh terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor seperti hujan lebat, air pasang laut yang tinggi, halangan aliran air di dalam sistem saliran dan juga masalah sungai yang semakin cetek. Banjir juga terjadi disebabkan oleh aliran air yang begitu luar biasa deras berpunca daripada hujan atau banjir lumpur akibat daripada perubahan guna tanah yang mendadak. Tempoh sesuatu kejadian banjir itu berlaku sama ada lama atau cepat untuk air banjir kembali surut bergantung kepada keadaan sesuatu sungai atau keadaan muka bumi tempat tersebut. Ia boleh berlaku beberapa jam atau hingga berlarutan berhari-hari.

1.2 Peristiwa Banjir


Secara umumnya, kesemua negeri di Malaysia mengalami banjir sepanjang tahun 2015 hingga Mac 2016. Negeri yang paling kerap dilanda banjir adalah negeri Selangor dengan jumlah 135 kejadian banjir dan diikuti oleh negeri Perak dengan 91 kejadian dan Terengganu merekodkan kejadian banjir paling kurang iaitu 3 kejadian. Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 menunjukkan Kejadian banjir seluruh Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2015/2016 dan 2014/2015 dan Graf 1.1 adalah perbandingan bilangan kekerapan kejadian banjir mengikut negeri bagi tahun 2015/2016 dan 2014/2015.

Jadual 1.1 : Maklumat Kejadian Banjir Seluruh Malaysia Tahun 2015/2016

Negeri	Bilangan Kejadian Banjir	Jumlah Hujan Harian Tertinggi (mm)	Tempoh Banjir Maksimum (Hari)	Jumlah Perpindahan Mangsa Banjir (Orang)	Taksiran Kerugian (RM)	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
Perlis	5	128.0	6	243	-	0.5
Kedah	37	145.0	3	1,722	10,123,600.00	1.5
Pulau Pinang	26	130.0	1	70	-	1.5
Perak	91	150.0	28	6,704	8,573,000.00	2.0
Kelantan	5	166.0	5	97	25,000.00	1.5
Terengganu	3	393.0	2	2,556	-	1.5
Pahang	20	202.0	4	489	-	1.5
Selangor	135	152.0	8	1,152	-	1.5
Melaka	18	214.5	4	5,072	-	1.2
Negeri Sembilan	17	143.0	0.25	374	6,700,000.00	1.5
Johor	13	113.0	5	731	-	1.0
Sabah	19	220.7	8	6,596	-	7.0
Sarawak	84	342.0	10	20,176	5,005,000.00	6.0
WP Kuala Lumpur	8	130.0	0.08	-	-	1.5
WP Labuan	15	237.5	-	29	-	1.0
Jumlah	496		Jumlah	46,011	30,426,600.00	

Jadual 1.2 : Maklumat Kejadian Banjir Seluruh Malaysia Tahun 2014/2015

Negeri	Bilangan Kejadian Banjir	Jumlah Hujan Harian Tertinggi (mm)	Tempoh Banjir Maksimum (Hari)	Jumlah Perpindahan Mangsa Banjir (Orang)	Taksiran Kerugian (RM)	Kedalaman Banjir Maksimum (m)
Perlis	19	156	7	458	-	0.5
Kedah	33	200.5	0.63	1,706	12,685,000.00	1.5
Pulau Pinang	20	158	0.21	-	-	1.5
Perak	52	159	10	4,421	6,946,500.00	1.8
Kelantan	49	514	7	319,156	36,394,000.00	7.0
Terengganu	19	413	7	62,281	18,600,000.00	1.8
Pahang	27	537	6	69,728	13,570,000.00	2.5
Selangor	92	144	2	308	-	1.0
Melaka	11	148	0.2	96	-	0.6
Negeri Sembilan	14	101	0.3	-	7,650,000.00	1.2
Johor	8	267	6	1,677	-	0.6
Sabah	13	158.7	7	8,059	122,450,000.00	4.0
Sarawak	14	192.5	60	388	-	1.5
WP Kuala Lumpur	7	87	0.125	-	-	0.6
WP Labuan	3	-	2	-	-	1.0
Jumlah	381		Jumlah	468,278	218,295,500.00	




Graf1.1 :Bilangan Kekerapan Kejadian Banjir bagi Tahun 2014/2015 dan Tahun 2015/2016

1.3 Punca-punca Banjir


Kejadian banjir di Malaysia berpunca dari pelbagai faktor. Hujan lebat yang berterusan dengan berkeamatan yang tinggi merupakan faktor utama kejadian banjir. Jadual 1.3 menunjukkan taburan hujan harian tertinggi semasa kejadian banjir bagi tahun 2015/2016 dan 2014/2015. Graf 1.2 pula menunjukkan kesemua negeri menerima hujan harian maksimum melebihi 100mm semasa kejadian banjir direkodkan pada tahun 2015/2016. Negeri Terengganu dan Sarawak merupakan negeri yang mencatatkan taburan hujan harian maksimum melebihi 300mm.

Jadual 1.3 :Taburan Hujan Harian Tertinggi Semasa Kejadian Banjir Tahun 2014/2015 dan Tahun 2015/2016

Negeri	Tahun 2014/2015	Tahun 2015/2016	Tarikh & Stesen
Perlis	156.0	128.0	16/9/2015 (Sg. Pelarit)
Kedah	200.5	145.0	31/5/2015 (UUM Sintok)
Pulau Pinang	158.0	130.0	3/8/2015 (Kolam Takungan Air Itam)
Perak	159.0	150.0	16/11/2015 (Seri Iskandar)
Kelantan	514.0	166.0	27/12/2015 (Kuala Krai)
Terengganu	413.0	393.0	28/12/2015 (Bandar Al Muktaffi Billah)
Pahang	537.0	202.0	18/10/2015 (Hospital Lipis)
Selangor	144.0	152.0	15/11/2015 (Sri Aman)
Melaka	148.0	214.5	26/10/2015 (Stesen Hujan Asahan)
Negeri Sembilan	101.0	143.0	31/10/2015 (Stor JPS, Seremban))
Johor	267.0	113.0	10/12/2015 (Stor JPS, Batu Pahat)
Sabah	158.7	220.7	2/1/2015 (Rumah Pam Kebatasan)
Sarawak	192.5	325.0	27/2/2016 (Kuching City South)
WP Kuala Lumpur	87.0	130.0	2/12/82015 (Kolam Takungan Batu)
WP Labuan	-	237.5	17/12/2015 (Sg. Lada)



Graf1.2 :Taburan Purata Hujan Harian Tertinggi Semasa Kejadian Banjir Tahun 2014/2015 dan Tahun 2015/2016



Graf1.3 :Tempoh Banjir Maksimum Tahun 2014/2015 dan Tahun 2015/2016

Keadaan hujan sebegini telah menyebabkan banjir dalam tempoh beberapa jam hingga ke beberapa hari. Berdasarkan Graf 1.3 di atas, tempoh banjir maksimum yang telah direkodkan semasa kejadian banjir pada tahun 2015/2016 adalah 28 hari iaitu banjir di negeri Perak. Tempoh banjir yang kurang daripada sehari dicatatkan di Negeri Sembilan dan WP Kuala Lumpur yang lazimnya dikategorikan sebagai banjir kilat. Manakala, banjir yang berlaku dengan tempoh yang panjang lazimnya adalah banjir monsun.


Selain daripada faktor hujan, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan banjir. Faktor-faktor tersebut adalah:

- i. Sistem saliran tidak dapat menampung air larian permukaan kerana tersumbat dengan sampah sarap dan kelodak hasil dari pembinaan atau kerja tanah di kawasan sekitar;
- ii. Ketidakupayaan sistem saliran sedia ada untuk menampung peningkatan air larian permukaan yang mendadak akibat hujan lebat berkeamatan yang tinggi dalam masa yang singkat;
- iii. Limpahan air sungai yang disebabkan oleh hujan berterusan dan menyeluruh serta pelepasan air dari empangan;

- iv. Pemendapan dasar sungai yang mengakibatkan sungai-sungai menjadi cetek dan sempit;
- v. Perubahan corak gunatanah hasil daripada pembangunan setempat yang tinggi dan pesat menyebabkan kurangnya kawasan telap air;
- vi. Pembinaan dalam kawasan rizab sungai;
- vii. Pengaruh pasang-surut air laut. Masalah banjir berlaku apabila air laut pasang tinggikan hujan lebat berlaku pada masa yang sama. Akibatnya air daripada sistem saliransamada sungai semulajadi atau saluran perparitan mengambil masa yang lama untuk menyalirkan air; dan
- viii. Kawasan rendah dan berisiko untuk banjir.

1.4 Impak Banjir

Kejadian banjir sepanjang tahun 2015 hingga Mac 2016 telah mengakibatkan seramai **46,011 orang** mangsa banjir dipindahkan berdasarkan yang direkodkan. Negeri Sarawak merupakan negeri yang mencatat rekod perpindahan mangsa banjir tertinggi dengan jumlah 20,176 orang. Diikuti oleh negeri Perak dengan jumlah perpindahan seramai 6,704 orang. Manakala WP Kuala Lumpur tidak mencatatkan rekod perpindahan. Graf 1.4 di bawah menunjukkan jumlah mangsa banjir yang dipindahkan bagi tahun 2014/2015 dan tahun 2015/2016 mengikut negeri.



Graf1.4 :Jumlah Perpindahan Mangsa Banjir Bagi Tahun 2014/2015 dan Tahun 2015/2016

Berdasarkan maklumat daripada JPS negeri, jumlah kerugian akibat kerosakan struktur JPS bagi kejadian banjir sepanjang tahun 2015 hingga Mac 2016 adalah dianggarkan sebanyak **RM30,426,600.00**. Jadual 1.4 menunjukkan perincian setiap jenis kerosakan bagi setiap negeri dan jumlah taksiran mengikut negeri semasa kejadian banjir tahun 2015/2016. Tiada rekod kecederaan atau kematian direkodkan dalam kejadian banjir tahun 2015/2016.

Jadual 1.4 :Perincian Taksiran Kerosakan Struktur JPS Akibat Banjir

Negeri	Jenis Kerosakan Struktur JPS										Jumlah Taksiran Kerugian Struktur JPS (RM)
	Pembentung (unit)	Jambatan MTB (unit)	Runtuhan Tebing Sungai (km)	Saluran Utama Konkrit (km)	Jalan ladang (km)	Stesen Hidrologi (unit)	Struktur Pengaliran dan Saliran Pertanian serta Taliair (km)	Rumah Pam JPS (unit)	Ban/Batas (km)	Lain-Lain	
Perlis	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kedah	9	7	221	1,900	623	1	505	5	3,004	33	10,123,600.00
Pulau Pinang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perak	2	-	5.0	-	19.6	-	140	-	27.7	25	8,573,000.00
Kelantan	-	-	0.2	-	-	-	-	-	-	-	25,000.00
Terengganu	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pahang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Selangor	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Melaka	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	-	-	5.7	0.5	-	-	-	-	-	-	6,700,000.00
Johor	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sabah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Sarawak	-	-	Rantau Panjang	-	-	1	-	-	-	-	5,005,000.00
WP Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
WP Labuan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	11	7	231.9	1,900.5	642.6	2	645	5	3,031.7	58	30,426,600.00

1.5 Penutup

Sebagai penutup dapat dibuat kesimpulan bahawa hujan dari monsun timur laut melanda negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak pada bulan November 2015 hingga bulan Mac 2016. Banjir di negeri-negeri di pantai barat seperti Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenalpasti sebagai banjir kilat disebabkan faktor hujan lebat yang berkeamatan tinggi ditambah pula dengan pertambahan kawasan yang telah pesat membangun menyebabkan kejadian banjir kilat akan bertambah buruk.

Anggaran kerosakan dan kerugian harta benda awam struktur milik JPS di sepanjang kejadian banjir pada tahun 2015/2016 adalah ditaksirkan dengan jumlah **RM 30,426,600.00**.

2.0 LAPORAN KEJADIAN BANJIR MENGIKUT NEGERI

2.1 Perlis

Hujan yang turun berterusan di negeri Perlis pada bulan Julai, September, dan November tidaklah begitu kritikal kerana disebabkan oleh El-Nino yang tinggi sekaligus menyebabkan musim panas berterusan dan mengurangkan jumlah hujan yang diterima di seluruh negeri Perlis pada tahun 2015.

Fenomena banjir di Perlis pada tahun 2015 ini tidaklah teruk jika dibandingkan dengan banjir semasa tahun 2014. Banjir ini disebabkan oleh hujan lebat di kawasan takungan dan seterusnya berlaku banjir kilat di beberapa kawasan yang rendah dan kawasan yang mengalami masalah pada sistem saliran sedia ada.

Banjir pada tahun ini berlaku dalam satu fasa sahaja kerana air larian permukaan tidak dapat dialirkan dengan sempurna. Ini adalah kerana faktor terdapat sampah yang menghalang air daripada mengalir dengan sempurna. Terdapat dua (2) sungai utama yang mengalir dikawasan tersebut iaitu Sg. Jarum dan Sg. Pelarit manakala sebelah barat adalah Sg. Arau Felda, Sg. Arau Kuala Tunggang, Sg. Alor Mentalon dan Sg. Buluh.

Kesemua stesen di seluruh Negeri Perlis menerima hujan yang lebat bagi tempoh yang singkat, dimana sungai disebelah utara yang terlibat adalah seperti Sg. Jarum dan Sg. Pelarit. Tiada perpindahan dilaporkan pada musim banjir kilat ini kerana purata masa banjir ialah hampir kepada 3 jam.

Jadual 2.1.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Perlis Tahun 2015/2016

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
13/07/2015	Wang Kelian	Kg. Wang Kelian Kg. Titi Tinggi Hilir	Tiada
03/09/2015	Arau	Kg. Batu 17 Kg. Lalang Ulu Pauh	Tiada
16/09/2015	Padang Besar	Beseri Kg. Kubang Tiga	Tiada
17/09/2015	Arau	Kg. Ngulang Kg. Oran	Tiada
10/11/2015	Beseri	Perumahan Awam Berseri	Tiada

Jadual 2.1.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Perlis Tahun 2015/2016

Daerah	Kekerapan
Wang Kelian	1
Arau	2
Padang Besar	1
Berseri	1

2.2 Kedah

Negeri Kedah Darul Aman menerima purata hujan tahunan sebanyak 2400mm. Pada tahun 2015 purata tahunan curahan hujan bagi Negeri Kedah kurang 7% iaitu sebanyak 2235 mm. Walaupun purata tahunan hujan ini berkurang namun kejadian banjir tetap berlaku di negeri ini. Sebanyak 37 kejadian banjir direkodkan pada tahun 2015. Kejadian banjir ini merangkumi daerah Kota Setar, Yan, Pendang, Kubang Pasu, Kuala Muda, Baling, Sik Kulim, Bandar Baharu dan Langkawi. Kejadian banjir yang direkodkan adalah siri kejadian banjir kilat dan kejadian banjir yang disebabkan limpahan dari sungai. Daerah Kulim mencatat kejadian banjir yang terbanyak berbanding daerah lain bagi tahun 2015.

Kejadian banjir pertama bagi tahun 2015 adalah pada 1 April 2015 yang melibatkan daerah Kubang Pasu yang mana banjir melimpahi jalan Napoh menuju ke Padang Sera, Changlun. Banjir berlarutan sehingga 3 jam sebelum surut semula. Sistem saluran tepi jalan melimpah akibat hujan yang lebat dan menyebabkan jalan dinaiki air seketika. Kejadian ini diklasifikasikan sebagai banjir kilat.

Siri kejadian banjir kilat seterusnya direkodkan pada tahun 2015 juga berlaku pada bulan April. Pada 30 April 2015 berlaku dua kejadian banjir di dua kawasan iaitu di daerah Kota Setar dan Kulim. Kejadian banjir di Alor Setar melibatkan kawasan di Jalan Sultan Badlishah dan Jalan Telok Wanjah. Kawasan Telok Wanjah sememangnya sering terjadi banjir kilat sekiranya kawasan Alor Setar menerima hujan yang agak lebat. Di sekitar Jalan Sultan Badlishah pula, kelihatan air datang dari kawasan pembangunan berhampiran (projek IPD Daerah Kota Setar) dan kelihatan agak berkelodak. Banjir mula surut selepas beberapa jam. Manakala di Kulim pula, banjir berlaku di kawasan sub lembangan Sungai Muda. Kawasan-kawasan berkenaan ialah di Kg. Nagalilit, Kg. Bukit Sarang Ayam, Kg. Sungai Seluang, Kg. Paya Selak dan Kg. Tok Karim. Terdapat limpahan Sg. Jarak yang menyebabkan beberapa kawasan yang rendah selain faktor hujan yang lebat selama 3 jam tanpa henti.

Pada 12 Mei 2015 telah berlaku banjir kilat di dua kawasan di Kulim iaitu yang pertama berlaku di kawasan Jalan Junjong dan kejadian kedua berlaku di kawasan S.g Seluang. Di kawasan Jalan Junjong

selain faktor hujan yang sangat lebat, faktor tebatan banjir di Sungai Air Merah juga perlu diberi perhatian, ini kerana kawasan tersebut sememangnya akan selalu terdedah untuk berlaku banjir sekiranya sistem tebatan banjir ataupun ban sungai tidak dinaiktaraf. Keadaan sungai juga tidak terlalu lebar dan dalam dan akan menyebabkan limpahan sekiranya isipadu air larian bertambah. Manakala banjir di kawasan Sg. Seluang sebanyak 35 buah rumah telah ditenggelami air dan ditempatkan di pusat pemindahan sementara. Pada 17 Mei 2015 berlaku sekali lagi kejadian banjir di Bandar Alor Setar, kali ini lebih luas dan lebih banyak rumah terlibat. Kawasan yang terlibat ialah Taman Ambar, Taman Lamsoon, Lorong Syariff, Jalan Telok Wanjah, Lorong Perwira, Lorong Pahlawan dan Lorong Pendekar dan telah menjejaskan 15 buah keluarga. Sistem saliran kawasan ini telah lama dan memerlukan kajian semula sistem penyaluran air larian permukaan bagi mengawal kejadian banjir kilat seperti ini berulang. Jumlah hujan yang tinggi dalam masa yang singkat juga adalah salah satu penyebab utama kejadian banjir kilat di kawasan ini. Pada penghujung Mei 2015 telah berlaku kejadian banjir di dalam lembangan Sg. Badak/ Sg. Sintok. Stesen hujan di UUM Sintok telah mencatatkan kadar curahan yang tinggi hal ini telah menyebabkan limpahan di kawasan kampung berhampiran.

Terdapat 2 kejadian banjir sepanjang bulan Jun 2015 yang mana bertumpu ke kawasan Kedah Selatan iaitu Kulim dan Bandar Baharu. Pada 8 Jun 2015 banjir kilat melanda daerah Kulim dan Bandar Baharu selepas hujan yang sangat lebat dalam masa 2 jam. Banjir di daerah Bandar Baharu sedikit sebanyak terkesan dengan keadaan fizikal Sungai Serdang yang agak sempit dan cetek di beberapa kawasan. Air mengalir deras dan terus melimpah ke kawasan kampung berhampiran. Manakala di Kulim, banjir kilat telah menyebabkan beberapa jalan utama telah ditenggelami air dengan kedalaman sekitar 0.3 hingga 0.4 meter.

Bulan Ogos menyaksikan banjir berlaku di daerah Sik dan Yan. Banjir berlaku pada tarikh yang sama iaitu pada 5 Ogos 2015. Di daerah Sik banjir berlaku di kawasan Kg. Begia. Manakala di Yan banjir berlaku di kawasan lembangan Sungai Gurun, di mana punca banjir di K.g Teroi adalah disebabkan aliran deras dari Gunung Jerai ketika hujan yang melalui Sungai Teroi tidak dapat keluar ke Sungai Gurun akibat kesan air pasang surut.

Pada bulan September, sekali lagi daerah Yan dan Sik dilanda banjir kilat. Selain itu daerah Langkawi juga menerima kesan dari kadar hujan yang tinggi di bulan September. Langkawi menerima hujan yang agak lebat pada hujung September 2015 dan kesan dari itu telah terjadinya dua (2) kejadian banjir iaitu pada 24 September 2015 dan 27 September 2015. Kawasan yang terlibat ialah kawasan yang berada di dalam lembangan Sungai Kelibang dan Sungai Melaka. Kuarters JPS Langkawi dilanda banjir

kilat akibat limpahan Sungai Kelibang. Struktur yang dibina di muara sungai oleh pemaju yang membangunkan kondominium dan hotel dikenalpasti menjadi punca masalah penyaluran air ke laut. Manakala banjir di Kg. Lubuk Hantu adalah berpunca dari parit sisi jalan yang kecil dan melimpah apabila menerima air larian yang tinggi.

Bulan Oktober menyaksikan kadar curahan hujan lebih tinggi dan telah melanda hampir keseluruhan negeri Kedah. Daerah yang terlibat ialah Kota Setar, Bandar Baharu, Sik, Kuala Muda dan Pendang. Pada 1 Oktober 2015 berlaku kejadian banjir kilat di Bandar Alor Setar dan Bandar Baharu. Seperti kejadian sebelum ini, kawasan banjir yang terlibat di Alor Setar ialah Jalan Teluk Wanjah tetapi kali ini kawasan banjirnya lebih luas disebabkan hujan yang menyeluruh di Alor Setar. Manakala di Bandar Baharu, masalah Sungai Serdang yang sempit telah menyebabkan banjir kali kedua pada tahun ini. Pada 7 Oktober 2015 pula berlaku kejadian banjir di lembangan Sungai Pendang dan Sungai Titi Teras. Kawasan-kawasan yang digenangi air ialah Kg. Banggol Kambing, Kg. Hampar, Kg. Batu 20, Kg. Padang Pusing, Kg. Baru, Kg. Sawa, Kg. Asam Jawa, Kg. Paya Kercut. Walaubagaimanapun tiada rekod perpindahan yang direkodkan.

Di bulan November pula, menyaksikan peningkatan kadar curahan hujan di seluruh negeri Kedah. Banjir mula melanda seluruh negeri Kedah setiap minggu sehingga pertengahan Disember. Sebanyak 13 kejadian banjir direkodkan sepanjang bulan November dan daerah-daerah yang terlibat ialah Kuala Muda, Kulim, Baling, Bandar baharu dan Langkawi. Jika dirumuskan, kejadian-kejadian banjir ini banyak berlaku di kawasan lembangan Sg. Muda. Hal ini disebabkan takungan di empangan Beris dan empangan Muda (MADA) berada pada paras bahaya. Empangan terpaksa melepaskan air sedikit demi sedikit ke dalam sungai mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) empangan yang telah ditetapkan. Paras air Sg. Muda ketika itu berada pada paras amaran dan sekali sekala meningkat ke paras bahaya. Hujan pada tempoh masa yang panjang dan menyeluruh ketika itu telah menyebabkan beberapa kawasan ditenggelami air.

Pada bulan Disember, banjir masih bertumpu di kawasan Kulim dan Bandar Baharu. Kejadian banjir terakhir telah direkodkan pada 13 Disember 2015 di daerah Bandar Baharu. Sememangnya tahun 2015 menyaksikan banyak kejadian banjir berlaku di daerah Bandar Baharu. Ini disebabkan juga oleh beberapa faktor utama iaitu pembinaan ban tebatan banjir Sg. Kerian di dalam kawasan negeri Kedah masih belum siap sepenuhnya dan telah menyebabkan kawasan kampung/ladang berhampiran dengan sungai telah ditenggelami air. Beberapa faktor lain yang menyebabkan banjir di kawasan berkenaan ialah

kejadian pasang surut air laut, pelepasan air dari empangan Bukit Merah, kadar curahan yang sangat lebat, keadaan sungai yang berpasir dan limpahan sub sungai kepada Sg. Kerian.

Jadual 2.2.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Kedah Tahun 2015/2016

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
01/04/2015	Kubang Pasu	Jalan Napoh ke Padang Sera, Changlun	Tiada
30/04/2015	Kota Setar	Jalan Sultan Badlishah Jalan Telok Wanjah	Tiada
30/04/2015	Kulim	Kg. Nagalilit Kg. Bukit Sarang Ayam Kg. Sg. Seluang Kg. Paya Selak Kg. Bukit Tok Karim	40 orang/10 keluarga
12/05/2015	Kulim	Kg. Ayer Merah Belakang Masjid Air Merah Kwarters Polis Trafik Kulim Kg. Sg. Seluang Kg. Paya Selak	220 orang/55 rumah
17/05/2015	Kota Setar	Taman Ambar Taman Lam Soon Lorong Syariff Jalan Telok Wan Jah Lorong Perwira Lorong Pahlawan Lorong Pendekar	60 orang/15 rumah
31/05/2015 Hingga 01/06/2015	Kubang Pasu	UUM Sintok Sek. Keb. Sintok Kg. Changkat Setoi Kg. Belukar Kg. Sg. Petani Kg. Kubang Betong	Tiada
08/06/2015	Kulim	Kg. Terap Kg. Indah Durian Burung Kg. Batu 10 Kg. Batu 12 Kg. Sg. Tengas Kg. Bendang Sera Jln. Sg. Punt Jln. Kg. Batu 12 Jln. Klinik Kesihatan Sg. Tengas	Tiada
08/06/2015	Bandar Baharu	Pekan Serdan Kg. Majidee Kg. Leret Kg. Batu 18 Kg. Lombong Kg. Sg. Air Puteh	Tiada
05/08/2015	Sik	Kg. Begia	Tiada

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
05/08/2015	Yan	Kg. Teroi	Tiada
10/09/2015	Yan	Kg. Teroi	Tiada
22/09/2015	Sik	Kg. Jerai	Tiada
24/09/2015	Langkawi	Kg. Kelibang Kuarters JPS Langkawi Lubuk Setoi	Tiada
27/09/2015	Langkawi	Kg. Lubuk Hantu	Tiada
01/10/2015	Kota Setar	Jln. Telok Wan Jah Lrg. Titi Siam Jln. Pegawai Jln. Sultanah Taman Golf Taman Uda	Tiada
01/10/2015	Bandar Baharu	Pekan Serdang Kg. Majidee Tengah Kg. Sg. Punt Taman Melor Kg. Batu 16 Kg. Batu 18	Tiada
06/10/2015	Sik	Kg. Banggol Kg. Sik Dalam	Tiada
06/10/2015	Kuala Muda	Kg. Sg. Bongkok	Tiada
06/10/2015	Bandar Baharu	Kg. Paya Semambu Kg. Ulu Relau Kg. Sg. Ponti Kg. Majidee Tengah Kg. Batu 16	Tiada
07/10/2015	Pendang	Sg. PEndang Sg. Titi Teras	Tiada
01/11/2015	Kuala Muda	Taman Serindit Pengkalan Lebai Man Taman Mas Suria Taman Keladi Taman Sejati Kg. Pulau Tengah Kg. Pokok Asam Kg. Kilang Makau Kg. Pinang Tunggal Puspakom Kg. Masjid Tikam Batu Taman Seri Bayu Taman Keranji	Tiada
02/11/2015	Kulim	Taman Perak Jln. Taman Tiram Indah ke Kulim Hitech	Tiada
06/11/2015	Baling	Kg. Sg. Limau Kg. Jenalik Kg. Haji Abas/Bawah Gunung Kg. Bongor Derum	606

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
		Kg. Bongor Baru Kg. Lahar Kg Siput Kg. Bukit Sebelah Kg. Batu 60	
08/11/2015	Kulim	Taman Sri Kulim Taman Anggerik Kg. Air Merah Kolej Mara Kulim Kg. Bukit Sarang Ayam Kg. Nagalilit Kg. Bukit Tok Karim	Tiada
10/11/2015	Baling	Tanjung Pari Kg. Baru Siong Tanjung Merbau Kg. Bukit Sebelah Kg. Bukit Tok Giling Kg. Tanjung Langsung Kg. Pantai Weng	349 orang/90 keluarga
12/11/2015	Kulim	Kg. Seri Bongsu	Tiada
14/11/2015	Kulim	Kg. Terap Jln. Terap Batu 10	Tiada
15/11/2015	Kulim	Kg. Jangkang Batu Puteh Jln.Sg. Kob ke Padang Limau	74 orang/18 keluarga
16/11/2015	Baling	Tanjung Pari Kg. Bukit Sebelah Batu 60 Kg. Sri Ketangga	128 orang/32 keluarga
17/11/2015	Kuala Muda	Jln. Depan Hospital Sg. Petani Kg. Bakar Kapor Kg. Raja	Tiada
19/11/2015	Langkawi	Jln. Pandak Mayah Jln. Kondo Istana – Hotel Seaview di Pekan, Kuah	Tiada
22/11/2015	Kuala Muda	Jln. Hospital Sultan Abd. Halim Taman Nuri Taman Serindik Air Mendidih Jln. Batu Lintang Kg. Hutan Gelam Taman Berlian Taman Teratai Sg. Layar Taman Desa Jaya Jln. Kg. Raja Kg. Raja Kg. Hj. Wahab Kg. Batu 2 Watt Siam Aman Jaya Mall Taman Padimas	Tiada

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
		Jln. Padang Temusu Taman Berlian	
24/11/2015	Bandar baharu	Jln. Ban Syariah Kg. Besar Lg. Raja Kg. Ulu Kechil Asam Kumbang Kg. Berjaya	230 orang
08/12/2015	Bandar Baharu	Kg. Kilang Batu	15 orang/ 3 keluarga
09/12/2015	Kulim	Kg. Air Putih	Tiada
11/12/2015	Bandar Baharu	Kg. Sg. Kechil Hilir Kg. Balai Lama	Tiada
13/12/2015	Bandar Baharu	Kg. Tepus Sg. Kechil Hilir	Tiada

Jadual 2.2.2Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Kedah Tahun 2014/2015

Daerah	Kekerapan
Baling	3
Bandar Baharu	7
Kota Setar	3
Kuala Muda	4
Kubang Pasu	2
Kulim	9
Langkawi	3
Pendang	1
Sik	3
Yan	2

2.3 Pulau Pinang

Tahun 2015 beberapa kejadian banjir berlaku di Negeri Pulau Pinang dan sebanyak 26 kes telah dilaporkan di daerah-daerah seperti berikut:-

Daerah Seberang Perai Tengah, telah merekod jumlah yang terbanyak iaitu 8 kes. Banjir yang berlaku sebahagian besar disebabkan oleh faktor hujan lebat setempat, hujan lebat di hulu sungai dan air laut pasang serta sokongan hujan yang berlarutan dalam bulan tersebut. Sungai-sungai yang terlibat adalah seperti Sungai Junjung, Sungai Rambai, Sungai Bukit Teh, Sungai Machang Bubuk, Sungai Permatang Rawa, Sungai Permatang Ara, Sungai Pertama dan Sungai Derhaka. Air hujan yang banyak

menyebabkan limpahan di tebing Sungai Permatang Rawa dan Sungai Rambai serta air bertakung di kawasan rendah. Masalah ini ditambahkan lagi dengan peningkatan paras air laut dan pintu automatik 'flap gate' yang tidak berfungsi akibat timbunan pasir sungai dan sungai cetek. Sebanyak 15 keluarga dan seramai 70 puluh orang ahli di Kampung Manggis terpaksa berpindah.

Daerah Seberang Perai Selatan telah mencatatkan 5 kes kejadian banjir. Kebiasaannya berlaku di tempat atau kawasan yang sama pada tarikh yang berlainan. Banjir yang berlaku disebabkan faktor hujan lebat di kawasan hulu, limpahan tebing, tanah rendah dan air pasang tinggi. Terdapat 3 lembangan sungai di daerah ini seperti Lembangan Sungai Junjung, Lembangan Sungai Kerian dan Lembangan Sungai Jawi. Sungai Bakap, Sungai Jawi dan Sungai Kecil merupakan kawasan yang mudah menerima banjir. Kampung atau penempatan yang terlibat adalah Kampung Sithu, Kampung Selut, Kampung Changkat, Perkampungan Jawi Kampung Stesen, Kampung Sanglang, Kampung Nenas dan Taman Ilmu. Tiada perpindahan yang dilaporkan pada tarikh tersebut.

Bagi Daerah Seberang Perai Utara, sebanyak 3 kes kejadian banjir yang telah berlaku pada tarikh yang berlainan dalam tahun tersebut. Kebanyakan banjir adalah hasil limpahan air sungai di bawah sistem Sungai Perai/ Sungai Maklom. Banjir yang berlaku disebabkan faktor hujan lebat di hulu dan kawasan setempat serta peningkatan paras air Sungai Perai (air laut pasang). Kampung-kampung yang terlibat adalah sebahagian perkampungan di sekitar Sungai Maklom dan Lahar Ikan Mati. Tiada perpindahan dilaporkan.

Di Daerah Timur Laut kebanyakan banjir yang berlaku adalah banjir kilat. Sebanyak 6kes kejadian banjir kilat telah dilaporkan di lokasi yang sama seperti Tahun 2014. Pertamanya di kawasan Lembangan Sungai Pinang yang sering melimpah apabila hujan lebat dan laut pasang. Pada tahun ini keadaan telah diburukkan lagi dengan parit-parit perbandaran yang tersumbat akibat sampah dan parit-parit bandaran yang tidak dapat menampung aliran air ke sungai. Kampung atau penempatan yang berdekatan dengan Sungai Pinang seperti Kampung Dodol atau Kampung Masjid, Kampung Makam, Jalan Dhoby Ghaut, Jalan Masjid Negeri, Tanjung Tokong(Kg. Masjid), Jalan Thean Teik, Jalan Maklom, Jalan Lumba Kuda dan Kampung Pokok Asam adalah lokasi panas yang sering diancam banjir kilat.

Lokasi kedua adalah di kawasan Paya Terubung. Banjir disebabkan hujan lebat dikawasan hulu dan pembangunan di kawasan bukit yang tiada sistem kawalan sempurna oleh pemaju. Keadaan diperatkan lagi parit-parit perbandaran yang kecil dan paip-paip utiliti sediaada banyak menghalang pengaliran air dan disokong pula oleh air laut pasang.

Di Daerah Barat Daya Pulau Pinang sebanyak 4 kes kejadian banjir dilaporkan pada tahun 2015. Banjir kebiasaannya berlaku adalah di tempat atau kawasan yang sama. Kebanyakan kejadian banjir yang berlaku disebabkan faktor hujan lebat dan limpahan air sungai iaitu Sungai Telok Kumbar, Sungai Telok Awak, Sungai Pinang dan Sungai Relau. Kawasan banjir yang terlibat adalah Kampung Masjid, Kampung Suluk, Kampung Nelayan, Bandar Baru Perda Kampung Paya, Kampung Seronok, Teluk Kumbar dan Kawasan Paya Terubung. Tiada laporan perpindahan mangsa banjir.

Jadual 2.3.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2015/2016

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
11/04/2015	Barat Daya	Kampung Nelayan Teluk Bahang	Tiada
12/04/2015	Seberang Perai Tengah	Jalan Medan Tembikai Taman Sri Rambai Padang Lalang Kampung Permatang Rawa, Bukit Mertajam Kampung tanah Liat Mk. 20, Kubang Semang	Tiada
15/04/2015	Timur Laut	Jalan P. Ramlee Kampung Makam Jalan Stadium	Tiada
21/04/2015	Seberang Perai Utara	Kampung Datuk Lahar Ikan Mati	Tiada
31/05/2015	Seberang Perai Tengah	Taman Kepar Jalan Utama Perai	Tiada
02/06/2015	Seberang Perai Selatan	Kampung Nenas Kampung Stesyen Kampung Sethu Taman Cenderawasih Taman Sri Bayu Taman Desa Jawi Taman Nibong Tebal Taman Permai Taman Sentosa Taman Sri Bayu Taman Sri Penting	Tiada
14/07/2015	Seberang Perai Selatan	Kampung Sg. Kecil Kg. Nenas Taman Ilmu	Tiada
03/08/2015	Timur Laut	Jalan P. Ramlee Lebuh Nipah Jalan Rawana Lorong Singgora	Tiada

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
		Kampung Masjid Kg. Makam	
03/08/2015	Barat Daya	Lintang Pondok Upeh Kampung kawasan Kuala Jalan Baru Jalan Teluk Kumbar	Tiada
12/09/2015	Timur Laut	Jalan Paya Terubong	Tiada
23/09/2015	Timur Laut	Jalan Paya Terubong Lebuh Maccalum Lebuh Mc Nair Jalan Hutton Jalan Merican Jalan Pahang Jalan P. Ramlee Jalan Kampung Jawa Baru	Tiada
23/09/2015	Barat Daya	Teluk Kumbar Bandar Baru Perda Kg. Nelayan Kg. Sulup Rumah Murah Kg. Nelayan Kg. 14 Kg. Masjid Bayan Lepas Kg. Seronok Kg. Binjai	Tiada
06/10/2015	Seberang Perai Tengah	Kawasan Taman Usaha Taman Perusahaan Ringan Usaha Jaya Taman Sukun Taman Impian Impian Murni Impian Jaya Alma	Tiada
06/10/2015	Seberang Perai Selatan	Kampung Sethu	Tiada
08/11/2015	Seberang Perai Tengah	Kampung Tok Konan Taman Jambu Kampung Berangan Sembilan Kampung Bukit Teh	Tiada
17/11/2015	Seberang Perai Tengah	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
19/11/2015	Seberang Perai Tengah	Taman Guru Tanah Liat	Tiada
19/11/2015	Seberang Perai Utara	Kampung Datuk Lahar Ikan Mati	Tiada
22/11/2015	Seberang Perai Tengah	Kawasan Kampung Jalan Baru Kg. Permatang Rawa Tanah Liat Taman Guru	Tiada

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
		Taman Siakap	
23/11/2015	Seberang Perai Tengah	Kampung Manggis	70 orang/15 keluarga
28/11/2015	Timur Laut	Jalan Paya Terubong Persiaran Paya Terubong	Tiada
28/11/2015 hingga 29/11/2015	Barat Daya	Jalan Mahsuri Persiaran Mayang Pasir Jalan Tengah Kawasan Perindustrian (FIZ) Bayan Lepas Jalan Sultan Azlan Shah Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Jalan Paya Terubong Taman Iping Jalan Permatang Damar Laut Kawasan Batu Maung Kampung Binjai Kampung Bukit Jalan Kolam Ikan Kampung Seronok Kampung Suluk Kampung Paya Kampung Nelayan Perumahan Perda Kampung Sungai Burong Lintang Pondok Upeh	Tiada
29/11/2015	Timur Laut	Tapak Pesta Pulau Pinang Jalan Paya Terubong Persiaran Paya Terubong	Tiada
30/11/2015	Seberang Perai Utara	Kg. Maklum	Tiada
11/12/2015	Seberang Perai Selatan	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
14/12/2015	Seberang Perai Selatan	Kampung Sethu	Tiada

2.3.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Pulau Pinang Tahun 2014/2015

Daerah	Kekerapan
Seberang Perai Tengah	8
Seberang Perai Utara	3
Seberang Perai Selatan	5
Daerah Timur Laut	6
Daerah Barat Daya	4

2.4 Perak

Negeri Perak terdiri daripada 11 buah daerah pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Daerah Larut, Matang dan Selama, Daerah Kuala Kangsar, Daerah Kerian, Daerah Hulu Perak, Daerah Perak Tengah, Daerah Kinta, Daerah Batang Padang, Daerah Manjung, Daerah Kampar, Daerah Hilir Perak dan Daerah Mualim. Pentadbiran JPS Negeri telah menjadikannya sebanyak tujuh (7) buah daerah sahaja iaitu JPS Daerah Larut, Matang dan Selama, JPS Daerah Kerian, JPS Daerah Kuala Kangsar/Hulu Perak, JPS Daerah Perak Tengah, JPS Daerah Kinta/Batang Padang, JPS Manjung dan JPS Daerah Hilir Perak.

Keluasan Negeri Perak adalah 21,000km. Persegi. Sungai Perak yang panjangnya lebih kurang 420km merupakan sungai utama yang menjadi tulang belakang Negeri Perak bermula dari daerah Hulu Perak bersempadan dengan Thailand dan Negeri Kelantan dan berakhir di Selat Melaka di Bagan Datoh. Di samping itu, sungai-sungai lain yang dapat dikumpulkan dalam kategori sungai besar yang boleh menyumbang kepada masalah banjir adalah Sungai Kinta di Daerah Kinta dan Perak Tengah, Sungai Batang Padang di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak, Sungai Kerian di Daerah Larut Matang dan Selama dan Kerian, Sungai Kurau di Daerah Larut Matang dan Selama dan Kerian, Sungai Larut di Daerah Larut Matang dan Selama, Sungai Bidor di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak, Sungai Sungkai di Daerah Batang Padang dan Hilir Perak dan Sungai Slim di Daerah Batang Padang.

Tiga lembangan besar sungai iaitu Lembangan Sungai Perak (yang terbesar sekali), Lembangan Sungai Kerian dan Lembangan Sungai Bernam. Sungai Kerian dan Sungai Bernam masing-masing menjadi sempadan di antara Negeri-negeri Perak, Kedah dan Pulau Pinang di sebelah utara, sementara Sungai Bernam menjadi sempadan bagi Negeri Perak dan Selangor di sebelah selatan.

Banjir merupakan masalah yang besar bagi negeri ini. Terdapat tiga (3) kategori banjir yang sering berlaku iaitu banjir monsun yang sering terjadi di antara bulan Oktober hingga Januari akibat angin monsun timur laut yang membawa kepada berlakunya banjir besar, banjir kilat yang berlaku hampir sepanjang tahun berpunca daripada hujan yang lebat melebihi 80mm dalam masa 1 hingga 2 jam berterusan dalam sehari serta masalah sungai yang tersekat-sekat perjalanan airnya dan yang ketiga adalah akibat air laut pasang tinggi. Ini biasanya berlaku di daerah Hilir Perak iaitu kawasan di antara Teluk Intan hingga ke Bagan Datoh. Bagaimanapun daerah-daerah lain yang ada kemungkinan mengalaminya termasuklah Manjung, larut Matang dan Kerian.

Bagi mengatasi masalah banjir tersebut JPS Negeri Perak sentiasa melaksanakan projek-projek tebatan banjir (RTB) di kawasan-kawasan tertentu mengikut daerah.

Sepanjang tahun 2015 yang lepas, banjir yang berlaku keseluruhannya tidaklah mengancam dan membahayakan sangat. Banjir yang agak besar berlaku di Daerah Perak Tengah, Kerian dan Kuala Kangsar/Hulu Perak lanjutan banjir pada hujung tahun 2014. Manakala di daerah-daerah lain hanya mengalami kejadian banjir kilat seperti tahun-tahun yang lalu.

Bentuk muka bumi negeri Perak sebahagian besarnya terdiri daripada tanah tinggi atau banjaran. Tiga banjaran yang utama iaitu banjaran Titiwangsa di sebelah timur memanjang dari utara hingga ke selatan dan bersempadan dengan negeri Kelantan, Pahang dan Selangor, sementara banjaran Keledang pula terletak di bahagian tengah yang memisahkan daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Perak Tengah. Banjaran Bintang memisahkan daerah Kuala Kangsar, Hulu Perak, Larut dan Matang dan Selama. Kedudukan dan bentuk banjaran-banjaran ini banyak mempengaruhi keadaan cuaca, hujan dan banjir di seluruh negeri.

2.4.1 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Perak Tahun 2015/2016

Daerah	Kekerapan
Perak Tengah	20
Kerian	2
Manjung	1
Larut, Matang dan Selama	6
Kinta, Batang Padang	10
Hulu Perak	52

2.5 Kelantan

Kelantan adalah salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terdedah kepada tiupan angin Monsun Timur Laut dan hampir setiap tahun dilanda bencana banjir. Banjir ini terjadi disebabkan oleh hujan lebat yang ekstrem, menyeluruh yang dibawa oleh Monsun Timur Laut yang bertiup dari bulan November hingga Mac setiap tahun. Pada musim Monsun Timur Laut kali ini, Negeri Kelantan boleh dikatakan tidak mengalami hujan yang berterusan di Lembangan Sungai Kelantan dan Sungai Golok. Kawasan banjir ini meliputi sebelas Jajahan seperti berikut :

2.5.1 Keluasan Kawasan Banjir mengikut Daerah di Negeri Kelantan Tahun 2015/2016

Bil	Jajahan	Keluasan Jajahan (km ²)
1	Kota Bharu	406.2
2	Kuala Krai	2,224.8
3	Machang	543.8
4	Pasir Mas	574.6
5	Pasir Puteh	432.5
6	Tanah Merah	867.6
7	Jeli	1,328.7
8	Bachok	264.2
9	Tumpat	165.7
10	Gua Musang	6,287.1
11	Lojing	1,817

Sumber : JUPEM Kelantan

Mengikut rekod-rekod yang lalu banjir bermula pada bulan Disember dan berlarutan ke bulan Januari tahun berikutnya. Banjir pada tahun 2014 adalah banjir yang paling besar daripada banjir-banjir sebelum ini. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan banjir besar yang pernah berlaku di Negeri Kelantan.

2.5.2 Jumlah Purata Hujan Tahunan (mm/Tahun)

Bil	Banjir Besar (Tahun)	Jumlah Purata Hujan Tahunan (mm/Tahun)
1	1926	Tiada rekod
2	1967	Tiada rekod
3	1971	Tiada rekod
4	1983	2,860.50
5	1988	3,163.85
6	2004	2,492.75
7	2014	3,495.25
8	2015	2,009.67

Pada musim Monsun Timur Laut tahun ini, Negeri Kelantan telah dilanda banjir sebanyak lima (5) episod iaitu pada:

2.5.3 Tarikh-Tarikh Kejadian Banjir Di Kelantan Tahun 2015/2016

Mula	Tamat	Jajahan	Tempoh
29/11/2015	03/12/2015	Pasir Mas	5 hari
20/12/2015	20/12/2015	Pasir Putih	4 jam
28/12/2015	29/12/2015	Kuala Krai	2 hari
27/01/2016	27/01/2016	Machang	1 hari
28/01/2016	29/01/2016	Tanah Merah	2 hari

Kawasan banjir ini meliputi kesemua jajahan di sepanjang Lembangan Sg. Kelantan dan Sg. Golok. Sepanjang 2015, Negeri Kelantan telah menerima purata hujan tahunan sebanyak 2,009.67mm adalah kurang sebanyak 690.33mm daripada purata hujan tahunan sebanyak 2,700mm.

Banjir pada tahun 2015/2016 tidak mengakibatkan berlakunya perpindahan mangsa banjir yang ramai. Mangsa banjir yang terlibat hanya 97 orang (sumber: JPAM Kelantan) orang dan tiada kematian yang direkodkan (sumber: JPAM Kelantan) dilaporkan akibat banjir manakala anggaran kerosakan berjumlah RM 850,000.00 (sumber: Semua JPS Jajahan).

Jadual 2.5.4 Peristiwa Banjir Di Negeri Kelantan Tahun 2015/2016

Tarikh	Jajahan	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
29/11/2015 hingga 03/12/2015	Pasir Mas	Kg. Jeram Perdah Kg. Banggol Kong Kg. Bukit Lata Kg. Lancang Kg. Kelawar Kg. Banggor Kg. Tersang Kg. Lubok Stol	Tiada
20/12/2015	Pasir Putih	Kg. Tok Kundur Kg. Batu Hitam Kg. Wakaf Bunut Kg. Tok Sudin Kg. Baru Kg. Gong Serapat Bandar Pasir Puteh Kg. Gong Chepa Kg. Temila Kg. Puyu Kg. Golok	Tiada

Tarikh	Jajahan	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
28/12/2015 hingga 29/12/2015	Kuala Krai	Kg. Chenulang Kg. Kebun Pisang Kg. Guchil Kg. Bukit Sireh	39
27/01/2015	Machang	Kg. Surat Lama Kg. Alur Melaka Sek. Agama Samsul Matrif Kg. Pangkal Kerdas Kg. Rengas Kg. Pangkal Durian Kg. Padang Raja	Tiada
28/01/2016 hingga 29/01/2016	Tanah Merah	Kg. Padang Kijang	28

2.5.5 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Kelantan Tahun 2015/2016

Daerah	Kekerapan
Kuala Krai	1
Machang	1
Pasir Mas	1
Pasir Putih	1
Tanah Merah	1

2.6 Terengganu

Secara umumnya, kejadian banjir di Negeri Terengganu telah berlaku pada 28 hingga 29 Disember 2015 di daerah Hulu Terengganu, Kemaman, Marang dan Dungun. Punca banjir berlaku adalah disebabkan hujan lebat berterusan yang turun di kawasan tadahan serta hulu sungai. Paras air meningkat dengan mendadak menyebabkan berlaku limpahan ke kawasan kampung yang berhampiran. Terdapat perpindahan penduduk seramai 2556 orang namun tiada kematian penduduk dilaporkan.

Satu lagi fenomena banjir telah berlaku pada 25 Januari 2016 disebabkan oleh air laut pasang besar pada jam 2230 dengan ketinggian 2.5 (ACD) berpunca dari angin kencang Monsun Timur Laut yang melebihi 60kmj telah mengakibatkan 1 keluarga dipindahkan ke rumah saudara. Antara punca punca banjir yang telah dikenalpasti adalah sebagaimana berikut :

- i. Hujan yang sangat lebat (melebihi 150mm/hari), menyeluruh dan berterusan melebihi 2 hari berturut-turut khususnya di kawasan tadahan sungai.
- ii. Akibatnya kawasan tadahan telah menjadi tepu dan tidak menyerap air hujan. Semua hujan yang turun menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir sediaada.
- iii. Keupayaan sungai untuk menampung air larian permukaan
- iv. Pertembungan aras air pasang laut yang tinggi
- v. Topografi tanah yang landai dan rendah.

Jumlah hujan 2015 paling tinggi telah direkodkan di Stesen Kampung Hulu Seladang, Setiu sebanyak 3232.0mm manakala jumlah hujan paling rendah telah di rekodkan di Stesen Bukit Diman Hulu Terengganu sebanyak 1029.0mm.

Jadual 2.6.1 Peristiwa Banjir Di Negeri Terengganu Tahun 2015/2016

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
28/12/2015	Kemaman	Kg. Padang Kubu	1,631 orang/197 keluarga
28/12/2015	Dungun	Kg. Jagung Kg. Shukor Kg. Pasir Raja Kg. Besul Lama Kg. Minda Kg. Jongok Batu	436 orang/139 keluarga
28/12/2015	Hulu Terengganu	Kg. Kepah Kuala Ping Tok Lawit Kg. Matang Kg. Tok Gebok Bkt. Kolam Kg. Kemat	481 orang/197 keluarga
28/12/2015	Marang	Kg. Wakaf Tapai	8 orang/ 2 keluarga
28/12/2015 hingga 29/12/2015	Kemaman	Kg. Teladas	1,631 orang/197 keluarga
29/12/2015	Kemaman	Dadong Kg. Bt. 14 Kg. Tebak Seb. Tayor Hulu Kg. Seberang Tayor Felda Seb. Tayor Kg. Ibok	1,631 orang/197 keluarga

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
		Kg. Padang Kemunting	

2.6.2 Kekerapan Banjir mengikut Daerah di Negeri Terengganu Tahun 2015/2016

Daerah	Kekerapan
Kemaman	2
Dungun	1
Hulu Terengganu	1
Marang	1

2.7 Pahang

Kejadian banjir adalah merupakan salah satu bencana alam yang sering melanda di Negara ini yang boleh menyebabkan kerosakan harta benda dan juga nyawa. Negeri Pahang merupakan sebuah negeri di Pantai Timur yang mengalami kesan Monsun Timur Laut iaitu daripada bulan November hingga Mac setiap tahun dan tahap bencana banjir yang berlaku adalah bergantung kepada nilai keamatan dan taburan hujan yang turun pada satu-satu masa dalam musim tersebut.

Pada musim monsun kali ini (2015), beberapa kejadian banjir telah berlaku di negeri ini seperti tarikh-tarikh berikut :-

2.7.1 Tarikh-Tarikh Kejadian Banjir Di Pahang Tahun 2015/2016

Daerah	Tarikh Berlaku Banjir				
Bentong	19/07/15	07/11/15	10/11/15	11/11/15	16/11/15
C/Highland	29/04/15	03/09/15	04/09/15	-	-
Jerantut	22/11/15	-	-	-	-
Lipis	08/05/15	18-19/10/15		25/11/15	-
Raub	11/11/15	23-26/11/15		-	-
Temerloh	10/11/15	-	-	-	-
Kuantan	23/08/15	28/11/15	29/11/15	07/12/15	28/12

Punca utama banjir yang dikenalpasti pada tahun ini adalah disebabkan oleh keamatan hujan lebat dalam sesuatu kawasan tadahan dan hulu sungai yang turun secara menyeluruh dan berterusan selama 1-2 hari di negeri Pahang. Fenomena Air Pasang juga menyebabkan beberapa kawasan terutama kawasan

berdekatan pantai mengalami peningkatan air secara mendadak yang menjadi punca banjir di kawasan yang rendah pada musim tengkujuh pada kali ini.

Lokasi penempatan di kawasan tanah rendah yang kebanyakannya di lembangan sungai dan merupakan dataran banjir semulajadi juga antara faktor penyebab kepada peningkatan bilangan mangsa pemindahan setiap kali tiba musim banjir.

Jadual 2.7.2 Peristiwa Banjir Di Negeri Pahang Tahun 2015/2016

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
08/01/2015	Raub	Jalan Laluan 8 Raub-Bentong Depan Pejabat LHDN Cawangan Raub Jalan Masuk ke Felda Krau dan Taman Wawasan	Tiada
10/01/2015	Bentong	Sekolah SJKC Kuala Repas Pejabat Kesihatan Bentong Kg. Kamansur Rumah Murah Chamang Kg. Chamang Baru	7 orang
09/04/2015	Cameron Highland	Kg. Raja	Tiada
02/06/2015	Raub	Jalan Utama Depan Pej. LHDN Cawangan Raub Penempatan Kg. India Belakang Pasaraya TF Value Mart Jalan Utama Bandar Raub-Bus Stop Taman Sentosa – Lorong 9	Tiada
23/08/2015	Kuantan	Taman Perumahan (sebelah Kuantan Specialist Hospital) Kampung Selamat (Lorong 12) Jalan Besar	Tiada
18/10/2015 hingga 19/10/2015	Lipis	Kg. Tempoyang Jalan batu 2	40 orang/10 rumah
10/11/2015	Temerloh	Kg. Bukit Kemuning	Tiada
11/11/2015	Raub	Kg. Peruas Kg. Ulu Gali Kg. Gali Tengah Kg. Jelu	15 orang/4 keluarga
11/11/2015	Bentong	Kg. Chegar Medang KM 52.4 (Kuarters Jabatan Hutan Lentang)	258 orang

Tarikh	Daerah	Tempat/Kawasan Terlibat	Jumlah Perpindahan
16/11/2015	Bentong	Kg. Semerting	Tiada
22/11/2015	Jerantut	Kg. Batu 1	Tiada
24/11/2015	Raub	Felda Tersang 1 dan 2 Kg. Tersang Kg. Kuala Semantan	86 orang/19 keluarga
25/11/2015 hingga 26/11/2015	Lipis	Kg. Barus Kg. Beletik Kg. Lubuk Kulit	26 orang/8 keluarga
28/11/2015	Kuantan	Kg. Seberang Balok (Berhadapan Taman Balok Fajar)	Tiada
29/11/2015	Kuantan	Kuantan Business Centre Lorong Sg. ISap Damai 18 dan 19	Tiada
06/12/2015	Kuantan	Taman Beserah Makmur, Mukim Beserah	Tiada
28/12/2015	Kuantan	PPRT Kempadang, Mukim Kuantan	57 orang

2.8 Selangor

Bermula dari pertengahan bulan Oktober hingga pertengahan bulan Januari tiap-tiap tahun merupakan musim tengkujuh di Malaysia. Semenanjung dan Malaysia Barat juga tidak terlepas daripada bencana ini.

Di Negeri Selangor banjir selalunya melanda kawasan-kawasan perkampungan, perindustrian dan jalan-jalan raya terutamanya sekali di kawasan-kawasan rendah yang terdapat di beberapa daerah.

Kejadian banjir yang berlaku ini lebih dikenali sebagai banjir kilat (*Flash Flood*) di mana banjir jenis ini cepat mengalir dan mengakibatkan kerugian harta benda dan kemalangan jiwa.

Amat menarik perhatian ialah masalah banjir ini tidak lagi terhad kepada musim tengkujuh dan juga kekerapan masalah banjir makin bertambah dari tahun ke tahun. Ini disebabkan oleh perubahan angin monsun yang berlaku 2 kali dalam setahun (April – Mei dan Sept – Oktober).

Rancangan tebatan banjir akan dilaksanakan untuk mengurangkan masalah banjir kilat ini dan seterusnya melaksanakan rancangan-rancangan jangka panjang untuk mencegahnya. Rancangan harus di

selaraskan di antara Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor di mana sungai-sungai yang sama mengalir melalui kedua-dua wilayah ini.

Pada tahun ini, Sembilan (9) daerah telah dilanda banjir dengan kerap berbanding daerah-daerah yang lain. Daerah – daerah tersebut ialah Daerah Klang, Daerah Petaling, Daerah Hulu Langat, Daerah Gombak, Daerah Sepang, Daerah Kuala Selangor, Daerah Hulu Selangor, Daerah Kuala Langat dan Daerah Sabak Bernam. Keadaan ini memerlukan perancangan yang khusus untuk mengelakkan kejadian banjir yang sama daripada berulang.

Jadual 2.8.1 Kekerapan Banjir mengikut Daerah Di Negeri Selangor Tahun 2015/2016

Daerah	Kekerapan
Petaling	23
Klang	37
Sepang	11
Hulu Langat	15
Hulu Selangor	9
Kuala Langat	5
Kuala Selangor	13
Gombak	22

2.9 Melaka

Negeri Melaka terletak dibahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Melaka adalah sebuah Negeri yang mana semua sungai-sungai utamanya mengalir terus ke laut. Negeri Melaka mempunyai keluasan lebih kurang 1651km persegi dan mempunyai pantai sepanjang 73km. Negeri Melaka terbahagi kepada tiga daerah iaitu Daerah MelakaTengah, Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin.

Banjir ini dijangka pada bulan Oktober hingga bulan Januari tahun berikutnya. Pada masa ini semua negeri-negeri di Malaysia bersedia untuk menghadapi kemungkinan tersebut. Negeri Melaka tidak juga ketinggalan menghadapi kemungkinan ini. Pada tahun 2015/ 2016 ini terdapat beberapa daerah di Negeri Melaka yang terlibat dengan banjir tersebut.

